

BOLTON

Date : 10 March 2010
Publication : Utusan Malaysia
Title : Bolton unjur jualan meningkat

Bolton unjur jualan meningkat

KUALA LUMPUR 9 Mac – Bolton Bhd. menasarkannya pertumbuhan jualan hartanahnya meningkat 50 peratus bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac tahun depan dengan pelancaran projek-projek baru bernilai hampir RM1 bilion tahun ini.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Azman Yahya berkata, jualan itu dijangka lebih baik berbanding RM280 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010.

Katanya, jangkannya itu berdasarkan maklum balas yang menggalakkan daripada projek pembangunan kondominium sixceylon di Jalan Bukit Ceylon yang bakal dilancarkan pada Jun ini.

“Projek kondominium dengan nilai pembangunan kasar RM200 juta mendapat sambutan lebih baik berbanding jangkannya kerana lokasi dan saiz serta harga yang ditawarkan mampu dibeli.

“Selain itu, keyakinan tersebut juga berdasarkan prestasi kewangan syarikat yang kukuh daripada suku keempat tahun lalu dan suku pertama tahun ini,” katanya selepas majlis simbolik merobohkan Bolton Court dan previu sixceylon, di sini hari ini.

Azman berkata, pihaknya akan merobohkan bangunan setinggi 12 tingkat Bolton Court mulai bulan depan sebelumnya membangunkannya semula sebagai sixceylon yang bakal menjadi mercu tanda di sekitar kawasan Bukit Ceylon, di sini.

“Walaupun Bolton Court telah memberi hasil pulangan yang besar kepada kumpulan sejak ia dibangunkan pada tahun 1970an, namun kami rasa pembangunan semula bangunan lama tepat pada masa,” katanya.

Beliau menjelaskan, kerja-kerja pembinaan untuk projek tiga tahun akan bermula selepas perobohan Bolton Court yang akan mengambil masa enam bulan.

“Projek sixceylon yang terdiri daripada 215 unit setinggi 33 tingkat akan dibangunkan di atas tanah seluas 0.36 hektar dengan kawasan pembinaan antara 696 hingga 1,555 kaki persegi.



AZMAN Yahya (dua dari kanan) memerhatikan model kondominium sixceylon yang akan dibangunkan di Bukit Ceylon, pada majlis perobohan simbolik Bolton Court, Kuala Lumpur, semalam.

“Kami belum menetapkan harga jualan lagi tetapi ia dijangka dijual pada harga antara RM600,000 hingga RM1.2 juta, sebanding dengan harga projek pembangunan mewah di sekitar kawasan ini,” ujarnya.

Tambahnya, sixceylon disasarkan kepada golongan profesional muda yang ingin melabur dengan jangkannya hasil pulangan antara tujuh hingga lapan peratus setahun serta ekspatriat.

Serentak dengan itu, katanya, Bolton juga akan melancarkan tiga lagi projek baru yang merangkumi pembangunan kondominium dan komersial tahun ini.

“Ini termasuk pembangunan di Kenny Hills dengan nilai pembangunan kasar RM130 juta, projek 51 Gurney (RM200 juta) dan Tasik Prima Puchong (RM500 juta),” terangnya.

Menurut Azman lagi, pihaknya juga meninjau untuk membeli lebih banyak tanah di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang tahun ini.

“Setakat ini, kami mempunyai bank tanah 240 hektar yang mampu menampung semua projek baru dan sedia ada dengan jumlah nilai pembangunan kasar RM1.8 bilion,” katanya.